



ASAP ROKOK PASIF

APA ITU ASAP ROKOK PASIF?

Gabungan asap rokok aliran sisi dari bahagian yang menyala dan asap rokok aliran utama yang dihembus keluar perokok.

SIAPAKAH PEROKOK PASIF?

Mereka yang tidak merokok tetapi terdedah kepada asap sekurang-kurangnya 15 minit dalam masa 2 hari untuk tempoh seminggu (WHO).



RISALAH BIL 12/2012
BAHAGIAN PENGURUSAN & PEMAKANAN
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT

RISIKO PENYAKIT PEROKOK PASIF

- **WANITA**
 - * Isteri perokok berisiko 30% lebih tinggi untuk mendapat kanser paru-paru.
 - * Lebih terdedah kepada kanser.
 - * Kurang kesuburan.
 - * Putus haid awal.
 - * Kematian dan keguguran bayi dalam kandungan.
 - * Kelahiran bayi yang kurang berat badan dan tidak cukup bulan.
- **KANAK-KANAK**
 - * Mudah mendapat asma/lelah.
 - * Risiko mendapat jangkitan paru-paru.
 - * Pertumbuhan paru-paru terganggu.
- **RAKAN-RAKAN**
 - * Mengalami kesan-kesan seperti batuk, pedih mata. Loya dan pening kepala.
 - * Sekiranya mereka pesakit jantung, mereka lebih mudah mendapat serangan jantung manakala pesakit asma pula mudah mendapat serangan asma yang teruk.

TANGGUNGJAWAB ANDA!

JIKA ANDA SEORANG PEROKOK

- Ambillah langkah untuk berhenti merokok kerana ia memberi kesan buruk kepada keluarga, rakan-rakan dan orang tersayang.
- Pastikan anda tidak merokok di tempat-tempat dilarang merokok. Sekiranya disabitkan kesalahan, anda boleh didenda sehingga dua tahun.
- Jika anda ingin berhenti merokok, dapatkan bantuan Klinik Berhenti Merokok yang terdekat. Hubungi Infoline Berhenti Merokok di talian 03-8883 4400 untuk maklumat lanjut.

JIKA ANDA BUKAN SEORANG PEROKOK

- Katakan jangan merokok berdekatan anda.
- Suarakan hak anda untuk bebas dari asap rokok.

